

21 OCT 2000

Mahathir-WTO

WTO MESTI ADIL KEPADA SEMUA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan harapannya untuk Persidangan Permudahkan Perdagangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang akan berlangsung di Malaysia, dengan berkata WTO "mestilah adil kepada semua".

"Umumnya, kita mahu WTO adil kepada semua pihak, tidak hanya mendengar dari satu pihak," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia sebelum pulang ke tanah air selepas menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) selama dua hari di sini.

Ketika ditanya mengenai persidangan itu, Dr Mahathir berkata WTO nampaknya menumpu kepada usaha membuka pasaran, mengurangkan tarif dan kepada syarat-syarat yang kononnya menindas.

"Tetapi kita berpendapat bahawa negara-negara yang lemah perlu mengekalkan ekonomi masing-masing kerana mereka mempunyai keperluan nasional yang tertentu," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia selaku tuan rumah akan mengemukakan sebarang cadangan, Dr Mahathir berkata ia belum dirangka.

Khamis lepas Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu wartawan Malaysia di sini bahawa Kuala Lumpur akan menganjurkan persidangan itu sebagai sebahagian daripada pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala bertujuan memastikan kepentingan negara-negara membangun tidak diketepikan.

Beliau tidak menyatakan bila persidangan itu akan berlangsung.

Menurut Kenyataan Pengerusi Asem yang diterima di sini hari ini, para pemimpin mengulangi pentingnya sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan dalam menggalakkan pertumbuhan dan kemakmuran sejagat serta dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Dalam soal ini, mereka menyatakan komitmen untuk bekerjasama bagi mendapatkan kata sepakat dalam memulakan, secepat mungkin, satu pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala, dengan mempunyai agenda yang melambangkan keseimbangan bagi memenuhi kepentingan semua anggota WTO.

Dokumen itu menyatakan bahawa para pemimpin bersetuju bahawa keperluan pembangunan negara-negara membangun dan kurang membangun perlu ditangani menerusi akses pasaran lebih baik.

Mereka juga sependapat bahawa hasil yang lebih bermakna dan seimbang akan dapat dicapai dalam tempoh masa yang munasabah jika rundingan dijalankan sebagai sebahagian daripada pusingan baru itu.

Asem dianggotai tujuh daripada 10 negara Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Kemboja, Laos dan Myanmar belum menjadi sebahagian daripada proses Asem.

China, Jepun dan Korea Selatan adalah anggota Asem yang lain dari Asia manakala anggota dari Eropah terdiri Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

Ketika ditanya tentang keputusan supaya Asem mengadakan Rundingan Meja Bulat mengenai Globalisasi bermula di Seoul tahun depan, Dr Mahathir berkata ia akan membolehkan Malaysia mengemukakan pendapatnya tentang aspek negatif globalisasi.

"Kita (Malaysia) setuju dengan globalisasi tetapi apakah bentuknya, itulah yang menjadi persoalan," katanya.

Mengenai perbezaan digital yang dibangkitkan pada sidang kemuncak Asem di sini, Dr Mahathir berkata ia masalah serius yang wujud dalam negara dan antara negara di kedua-dua rantau itu.

"Negara kaya berupaya mendapat kemahiran dan pengetahuan tetapi yang miskin akan terpinggir kerana kekurangan perkakasan yang mahal," katanya.

Mengenai keputusan Asem memilih Malaysia sebagai tuan rumah persidangan

antarabangsa mengenai HIV/Aids, Dr Mahathir berkata Malaysia menganggap HIV/Aids sebagai isu yang serius.

Ketika ditanya tentang perbincangan beliau dengan Presiden EC Romano Prodi di sini semalam, Dr Mahathir berkata Prodi berpendapat hubungan antara Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia perlu dipertingkatkan.

Selain membuka pejabat di Kuala Lumpur, EU juga mahu menjadi rakan perdagangan terbesar Malaysia. Pada masa ini EU merupakan rakan perdagangan Malaysia yang ketiga terbesar.

Bagaimanapun, Prodi memberitahu Dr Mahathir bahawa EU belum dapat membuka pejabatnya di Malaysia kerana masalah belanjawan.

Mengenai perbincangannya dengan Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker di sini semalam, Dr Mahathir berkata Luxembourg mahu menjalin hubungan rapat dengan Malaysia dalam bidang penerbangan.

Pada masa ini, Luxembourg mengendalikan tiga penerbangan kargo seminggu ke Malaysia walaupun perjanjian antara kedua-dua negara menetapkan hanya satu penerbangan kargo seminggu.

"Mereka mahu memeterai perjanjian baru dengan kita," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES MR MAI